



## **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA**

### **SIARAN MEDIA**

#### **'4,030 MENERIMA MANFAAT PENUBUHAN ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN, IPOH'**

**IPOH, 23 Nov** – Seramai 4,030 orang telah mendapat manfaat dari penubuhan Anjung Kasih YKN Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak sejak penubuhan pada tahun 2015 manakala seramai 70,865 orang pula telah mendapat manfaat dari 11 buah Anjung Kasih YKN yang telah beroperasi secara berperingkat di seluruh negara sejak tahun 2006.

Anjung Kasih YKN ialah rumah penginapan sementara yang disediakan kepada pesakit/waris pesakit yang mengiringi pesakit yang sedang mendapat rawatan di hospital kerajaan. Untuk pesakit/waris pesakit miskin yang memerlukan penginapan sewaktu mendapatkan rawatan/ mengiringi pesakit disebabkan jarak antara rumah dan hospital yang jauh.

Projek Anjung Kasih YKN ini telah berjaya menarik perhatian daripada syarikat korporat melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam membantu mereka yang memerlukan. Antara syarikat korporat yang telah menaja dalam projek Anjung Kasih YKN ini adalah:

- **Tenaga Nasional Berhad (TNB) di *Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang;**
- **Tenaga Nasional Berhad (TNB) di *Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Melaka; dan**
- **Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) di Anjung Kasih YKN Hospital Duchess Of Kent, Sandakan, Sabah**

Pihak YKNM sentiasa membuka ruang kepada mana-mana pihak sama ada syarikat korporat, orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKNM dalam membantu golongan yang memerlukan dengan menyalurkan sumbangan mereka melalui YKNM. Sumbangan boleh disalurkan melalui:

<b>Nama Akaun</b>	<b>Yayasan Kebajikan Negara Malaysia</b>	
<b>Bank</b>	<b>Alliance Islamic Bank Berhad</b>	<b>Maybank Islamic Berhad</b>
<b>Nombor Akaun</b>	<b>160140010004801</b>	<b>568621012284</b>

**Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapat 1967.**

Majlis Perasmian Anjung Kasih YKN Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak telah disempurnakan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewakili YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM).

Turut hadir YBrs. Dr. Hishamuddin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWK, YBrs. Encik Hamzah Murghayah Abdullah, Timbalan Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia, YB Puan Wong May Ing, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sahsiah, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Negeri Perak, YBhg. Dr. Ko Chung Sen, Ahli Dewan Undangan Negeri Kepayang, YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif YKNM, YBhg. Dato' Dr. Ding Lay Ming, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak dan YBrs. Dr. Abdul Malek Osman, Pengarah Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak.

Disediakan oleh : Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat  
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,  
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,  
No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420  
Tarikh dikeluarkan : 23 November 2019